

UMK(B01.08.02.03)(08-2022)

Tarikh Kuatkuasa : 01 Julai 2022
(Pindaan 1/2022)
BORANG PERMOHONAN SKIM INSENTIF, PEMBIAYAAN DAN KOLABORASI PENERBITAN
(PUBLICATION INCENTIVE FORM)
A. BUTIRAN PEMOHON
(Details of Applicant)
Nama:
(Name) MOHD SAFWAN B. GHAZALINo. Pekerja:
(Staff No.) 01162AFakulti:
(Faculty) FKP / CEDO UMKF
KAMPUS FOKA, UMK**B. Jenis-Jenis Skim (Type of Scheme)**Sila tandakan (/) jenis insentif penerbitan yang dipohon:
Please tick (/) the type of publication incentive for:a) Skim Insentif Penerbitan b) Skim Pembiayaan Penerbitan i) Pembiayaan/ fee ii). Tuntutan / claim

Index	Kuartil (QUARTILE) **	JUMLAH (AMOUNT) (RM)	(/)
WOS (JCR)	Q1	2,500.00	
	Q2	1,500.00	
	Q3	750.00	
	Q4	400.00	
SCOPUS/WOS(SELAIN JCR)		300.00	
Buku Penyelidikan MAPIM/Antarabangsa		1,000.00	
Bab dalam Buku Penyelidikan (MAPIM/ Antarabangsa)	<input type="checkbox"/>	200.00	
Artikel Popular		100.00	1

(RM100.00)

Index	Kuartil (QUARTILE) **	JUMLAH (AMOUNT) (RM)	(/)
WOS (JCR)	Q1	5,000.00	
	Q2	5,000.00	
	Q3	1,000.00	
	Q4	1,000.00	
SCOPUS/WOS(SELAIN JCR)		1,000.00	

c) Skim Kolaborasi Penerbitan **NIL**

Kolaborasi	JUMLAH (AMOUNT) (RM)	(/)
Antarabangsa	300.00	
Industri	300.00	

C. BUTIRAN PENERBITAN (Publication Details)

i. Jurnal Indeks Petikan (Indexed Journal)

Tajuk Artikel
(Title of Article) :Nama Jurnal
(Name of Journal) :Penerbit
(Publisher) :ISSN/EISSN
Tahun Terbitan
(Publication Year) :Indeks
(Indexed by)Scopus
Web of Science (WoS)

IF (Impact Factor): _____ Quartile: _____

ii. Buku (Book)

ii. Buku (Book)	: _____
Tajuk Buku (Title of Book)	: _____
Penerbit (Publisher)	: _____
ISBN	: _____
Tahun Terbitan (Publication Year)	: _____
iii. Bab Dalam Buku (Chapters in Book) / Artikel Popular (Popular Article)	
Tajuk Bab dalam Buku/ Artikel Popular (Title of Chapters in Book/ Popular Article)	: <u>Daftar Pergerak TVET, tawarkan gojinya unggulan</u> <u>melalui pemandu e-hailing (RM, 2023)</u>
Tajuk Buku (Title of Book)	: <u>(Rujukan Latar Belakang)</u>
Penerbit (Publisher)	: <u>BERSAMA HARI TU, 2023.</u>
ISBN	: _____
Tahun Terbitan (Publication Year)	: _____

D. PENGAKUAN PEMOHON (Declaration by Applicant)

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberi adalah benar.
Dilampirkan bersama dokumen sokongan untuk rujukan.
I, hereby declared that all information given herein is true. I have also enclosed the supporting documents for reference.


DR. MOHD SAEVEN BIN GHAZALI
Pengerah

(Tandatangan & Cap Rasmii) **Pendidikan Keusahawanan (PEED)**
(Signature & Official Stamp) **Universiti Malaysia Kelantan (Date)**

8/8/23

E. PERAKUAN DEKAN/TIMBALAN DEKAN

(Declaration from Dean/Deputy Dean)

Disokong (Recommended) Tidak Disokong (Not Recommended)


DR. AHMAD RIDHUWAN BIN ABDULLAH
Timbalan Dekan
(Pengetahuan & Cap Rasmi) **Pascasiswazah**
(Signature & Official Stamp) **Universiti Malaysia Kelantan**

7/3/2023
(Tarikh)
(Date)

Ulasan: _____
(Remarks)

F. PENGESAHAN BAHAGIAN PENERBITAN DAN PENARAFAN
(Endorsement from PRD)

Tandakan / pada yang berkenaan (Tick / where applicable)
WoS : Scopus:

Kuartil (QUARTILE)	(I)
Q1	
Q2	
Q3	
Q4	
Scopus	

Lain-lain Others	(I)
Buku Penyelidikan MAPIM/ Antarabangsa	
Bab Dalam Buku MAPIM/ Antarabangsa	
Artikel Popular	

Verified and recommended:

Verified and not recommended:

Ulasan :(Remarks): _____

(Tandatangan & Cap Rasmii)
(Signature & Official Stamp)

(Tarikh)
(Date)

G. KELULUSAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (P&I) / PENGARAH KANAN (RIMC) / PENGARAH

Comment from The Senior Director of Research and Innovation Management Centre
(RIMC)/ Director of Publication and Rating Division

Lulus :
Approved

Tidak Lulus :
Not Approved

Jumlah diluluskan: _____
(Approved Total)

Peruntukan Mengurus : _____

Tabung Amanah : Vot : _____

(Tandatangan & Cap Rasmii)
(Signature & Official Stamp)

(Tarikh)
(Date)

20 FEB, 2023

Daftar pekerja TVET, tawarkan gaji lumayan melebihi pemandu e-hailing

Berita Harian, Malaysia

DR. AHMAD RIDHUWAN BIN ABDULLAH
 Naibbalan Dekan
 (Penyelidikan, Inovasi dan Pascasiswazah)
 Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
 Universiti Malaysia Kelantan

7/3/2023



جامعة تكنولوجيا مارا
 UNIVERSITI
 TEKNOLOGI
 MARA

Page 1 of 2

Daftar pekerja TVET, tawarkan gaji lumayan melebihi pemandu e-hailing

- Isu penawaran pekerja TVET dengan permintaan industri tidak selaras tidak wujud kerana pendidikan TVET menyediakan jumlah pekerja berkemahiran mencukupi

- Di negara membangun seperti New Zealand, pekerja berkemahiran tinggi dibayar upah tinggi kerana hanya yang bertauliah dan berdaftar dibenarkan bekerja

Oleh Prof Dr Tan Peck Leong
 dan Dr Mohd Safwan Ghazali
 blhrencana@bl.com.my

Isu kekurangan tenaga pekerja mahir sentiasa menjadi polemik, apakah lagi Malaysia menyasarkan keperluan 35 peratus pekerja berkemahiran menjelang 2030.

Bagaimanapun, negara hanya mempunyai 25 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi, manakala hampir dua pertiga atau 62 peratus tenaga kerja dalam kalan-gan pekerja separa mahir dan bakinya 13 peratus ialah pekerja berkemahiran rendah.

Angka ini menunjukkan masalah kekurangan pekerja mahir semakin meruncing hingga Yang di-Pertuan Agong dalam ucapan pembukaan Parlimen tahun ini, menyokong tekan kerajaan memperkasa pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui kerjasama awam dan swasta.

Pelbagai persoalan diutarakan terutama sejauh mana penurunan pengeluaran tenaga mahir dan separuh mahir di negara ini serta apakah punca ia berlaku?

Ia turut mencetuskan persoalan apakah institusi pendidikan melahirkan pekerja tidak selaras permintaan pasaran dan apakah strategi perlu disegerakan bagi melaksana TVET berimpak tinggi? Hakikatnya, isu penawaran pekerja TVET dengan permintaan industri tidak selaras tidak wujud kerana pendidikan TVET menyediakan jumlah pekerja berkemahiran cukup untuk industri dan pasaran.

Pendidikan TVET Malaysia mampu mengelakkan masalah 'mismatch skills' dan menyediakan ramai pekerja mahir hingga sekitar Jun 2020, 10 politeknik memperoleh pengiktirafan akreditasi daripada Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC).

Pengiktirafan ini membuktikan Malaysia

mempunyai kelompok institusi TVET berkualiti tinggi. Persoalan sebenar perlu dibongkar kenapa belia kita tidak bekerja dalam bidang TVET selepas latihan atau tidak sanggup meneruskan pendidikan dalam TVET?

Tingkat pendapatan pekerja TVET

Terdapat dua masalah utama dengan isu pertama iaitu pendapatan diperoleh atau *bread and butter issue*. Malaysia mestilah meningkatkan pendapatan yang boleh diperoleh pekerja TVET kerana pekerja berdasarkan latihannya tidak memberikan jumlah cukup atau lumayan.

Senario 'dignity wage' ini mendorong lepasan TVET berhenti bekerja sebagai pekerja mahir dan bertukar kepada pekerja gig seperti e-hailing atau p-hailing. Dianggarkan kita mempunyai 400,000 pekerja penghantar dan pemandu gig dengan di Lembah Klang sahaja. Grab melaporkan mempunyai lebih 10,000 individu.

Jika kita guna bilangan pekerja gig sebagai indikator ketirisan dalam pekerja mahir pada tahun lalu, dianggarkan jumlah keseluruhan pekerja gig ialah 26 peratus daripada 15 juta tenaga pekerja atau bersamaan 3.1 juta pekerja gig.

Andainya satu pertiga ialah pekerja gig di e-hailing atau p-hailing, maka kita ada 1 juta pekerja mahir atau pekerja separa mahir bekerja sebagai

pemandu gig, sekali gus menunjukkan ketirisan sangat serius.

Jika seorang pekerja mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 hingga 3 (SKM1-3) atau Diploma Sijil Kemahiran Malaysia (DSKM) bekerja sebagai mekanik kereta, mereka dianggarkan memperoleh gaji tidak melebihi RM3,000 sebulan, berbanding pemandu e-hailing atau p-hailing yang mampu mendapat melebihi jumlah itu dengan masa kerja lebih fleksibel dan menjadi majikan sendiri.

Ini sepadan dengan kajian dijalankan penyelidik daripada Universiti Teknologi MARA (UITM) kepada 315 pemandu dan penghantar Grab. Kajian menunjukkan 80 peratus mempunyai pendidikan sekurang-kurangnya diploma/sijil, sarjanan muda dan ke atas.

Mereka ialah pekerja mahir sama ada tidak mendapat kerja bersesuaian kemahiran atau tidak sanggup bekerja di sektor sesuai dengan kemahiran kerana mencari pendapatan lebih tinggi antara RM3,000 hingga RM5,000 sebulan.

Masalah kedua ialah pengiktirafan TVET sebagai pekerja berkemahiran. Malaysia boleh belajar dari negara berjaya melahirkan ramai pekerja mahir diliktiraf dan didaftarkan seperti profesion doktor dan peguam yang berlaku di Jerman, Australia dan New Zealand.

Kuat kuasa pengiktirafan

Bayangkan jika Malaysia mensyaratkan hanya juruelektrik berdaftar sahaja dibenarkan melakukan perkhemahan kepada pengguna berbanding realiti masa kini ramai pekerja dari luar negara terutama Indonesia dan Bangladesh melakukan perkerjaan mahir ini dengan tawaran upah lebih rendah.

Di negara membangun seperti New Zealand, pekerja mahir seperti juruelektrik dan mekanik dibayar upah tinggi kerana hanya yang bertauliah dan berdaftar dibenarkan bekerja, malah lebih lima kali ganda daripada gaji minimum.

Oleh itu, satu sistem holistik perlu dirangka bukan sahaja untuk melahirkan pekerja mahir, bahkan mengiktiraf kemahiran mereka. Usaha itu memang sudah ada tetapi pengiktirafan tidak berkuat kuasa sepenuhnya.

Dikalau peruntukan belanjawan negara memang cukup untuk meningkatkan pendidikan TVET, tetapi kita perlu dimensi dan citra baharu menerusi polisi mengiktiraf pekerja TVET sebagai pekerja mahir atau separa mahir berdaftar serta eksklusif.

Ini dapat meningkatkan kedudukan pelajar TVET sebagai bakal pekerja mahir hingga statusnya dipandang masyarakat dan boleh mendapat pendapatan tinggi, sekali gus memanfaatkan kehidupan mereka. Ini adalah penting untuk mengelakkan ketirisan pekerja mahir dilatih mengalih menjadi pekerja gig berkemahiran rendah.

Dengan kata lain, peruntukan belanjawan untuk meningkatkan bilangan pekerja mahir melalui pendidikan TVET tidak akan memenuhi permintaan pasaran jika kerajaan dan semua pihak menggalas tanggungjawab mengendalikan institusi kemahiran tidak melakukan penstruktur semula TVET sepenuhnya bagi mengelakkan



Tan Peck Leong adalah Profesor di Arshad Ayub Graduate Business School, Universiti Teknologi MARA (UiTM), manakala

Mohd Safwan adalah Pengarah Pusat Pembangunan dan


Pendidikan Keusahawanan (CEED), Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

TVET dengan permintaan industri tidak selaras tidak wujud kerana pendidikan TVET menyediakan jumlah pekerja berkemahiran cukup untuk industri dan pasaran.

Pendidikan TVET Malaysia mampu mengelakkan masalah 'mismatch skills' dan menyediakan ramai pekerja mahir hingga sekitar Jun 2020, 10 politeknik memperoleh pengiktirafan akreditasi daripada Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC).

Pengiktirafan ini membuktikan Malaysia





20 FEB, 2023

Daftar pekerja TVET, tawarkan gaji lumayan melebihi pemandu e-hailing



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

- . Isu penawaran pekerja TVET dengan permintaan industri tidak selaras tidak wujud kerana pendidikan TVET menyediakan jumlah pekerja berkemahiran mencukupi
- . Di negara membangun seperti New Zealand, pekerja berkemahiran tinggi dibayar upah tinggi kerana hanya yang bertauliah dan berdaftar dibenarkan bekerja

Isu kekurangan tenaga pekerja mahir sentiasa menjadi polemik, apatah lagi Malaysia menyasarkan keperluan 35 peratus pekerja berkemahiran menjelang 2030.